

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN "STATE OF THE WORLD"
Lokasi : HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 20-12-1994

Encik Stephen H. Umemoto, Deputy Regional Director of UNICEF, East Asia and Pakistan Region; Dr. Ian K.M. Chia, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia (UNMA); Encik Christian A. Hassing, Pengurus Besar Hotel Shangri-La; Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya untuk melancarkan "State of the World's Children Report 1991" ini.

2. Tahun 1990 merupakan tahun yang amat bermakna bagi kanak-kanak di seluruh dunia. Pada bulan Mac tahun yang sama, Malaysia telah menyertai lebih daripada 150 buah negara di Persidangan Sedunia Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai pendidikan untuk semua dan telah memberi jaminan untuk menentukan bahawa pendidikan asas mestilah diberikan kepada semua kanak-kanak. Masyarakat antarabangsa juga telah diseru untuk bersama-sama mengambil tanggungjawab bagi melaksanakan program imunisasi untuk lebih daripada 80 peratus kanak-kanak di seluruh dunia untuk mencegah daripada penyakit-penyakit berbahaya.

3. Pada bulan September pula, di Persidangan Kanak-Kanak di Bangsa-Bangsa Bersatu, pemimpin-pemimpin negara telah memberi jaminan untuk melaksanakan matlamat-matlamat tertentu untuk kanak-kanak di seluruh dunia menjelang tahun 2000. Pencapaian ini amat membanggakan kita semua dan sangat bermakna terutamanya bagi kanak-kanak di seluruh dunia kerana merekalah yang akan mewarisi generasi akan datang.

Ladies and Gentlemen,

4. The world is beginning to be aware of the importance of the need to care for our children today. Caring for our children today is actually caring for our own tomorrow. For what we can provide for our children today, our children in turn can provide for us tomorrow. Our future is being shaped by how our children develop today.

5. Towards this goal for a better future, we in Malaysia have begun the process of being a caring society which needs every Malaysian to play his part in ensuring that our young Malaysian have access to proper medical care, education and can grow in an environment of love and care. Just as our parents have nurtured and cared for us, it is our turn to strive to provide the best or better means for our children to grow.

6. It is in view of this that I fully support the United Nations proposal to place children first in the allocation of resources of society at all time. This proposal is highlighted in the "State of the world's children report 1991" which UNICEF is launching world-wide this month. The report is an eye-opener on how the world is treating children today, and what must be done to help children to survive in this less caring world. I hope the report will receive wide attention particularly by those who are in the position to help. An act of loving care for our children today is the seed that will blossom into a million ways for a more gentle, more loving and a better tomorrow.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia, UNICEF dan Hotel Shangri-La Kuala Lumpur kerana telah mengambil langkah ini sejajar dengan usaha-usaha Kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang lebih penyayang. Dengan ini saya dengan sukacitanya melancarkan buku laporan "The State of the World's Children Report 1991" dengan rasminya.